

perkara yang jelas supaya dapat diceritakan kepada orang-orang tidak datang (pada kali ini) dan kami pula dapat masuk syurga kerananya. Mereka (juga) telah bertanya Nabi SAW tentang minuman. Maka Nabi SAW menyuruh mereka melakukan empat perkara dan melarang mereka daripada empat perkara. Baginda SAW menyuruh mereka beriman kepada Allah sahaja, lalu bertanya : "Tahukah kamu apa itu beriman kepada Allah sahaja?". Mereka berkata: "Allah dan Rasulnya sahaja yang tahu". Nabi SAW bersabda: "Bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Muhammad adalah rasul Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan memberikan Khumus (satu perlima kepada pihak kerajaan) daripada harta ghanimah (rampasan perang). Rasulullah SAW selanjutnya melarang mereka daripada empat perkara: "Al-
hantam/ Hantum (tempayan-tempayan hijau), al-Dubba' (bekas daripada labu kering), al-Naqir (umbi/pangkal pokok kurma yang ditebuk untuk menyediakan arak) dan al-Muzaffat (bekas yang dilumur tar untuk membuat arak)". Perawi berkata, mungkin katanya : "al-
Muqayyar/ Muqayar". Seterusnya Nabi SAW berpesan: "Ingatlah semua perkara itu dan ceritakan tentangnya kepada orang-orang di belakangmu (yang tidak datang)".

باب مَا جَاءَ إِنْ الْأَعْمَالِ بِالْثَنَاءِ وَالْحَسْبَةِ وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا بَوَىٰ فَدَخَلَ فِيهِ الْإِيمَانُ وَالْوُضُوءُ وَالصَّلَاةُ وَالزَّكَاةُ وَالْحَجُّ وَالصَّوْمُ
 وَالْأَحْكَامُ وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى (قُلْ كُلُّ يَعْمَلْ عَلَىٰ شَاكِلِهِ) عَلَىٰ نَيْتِهِ نَفَقَةُ الرَّجُلِ عَلَىٰ أَهْلِهِ يَحْسِبُهَا صَدَقَةً وَقَالَ النَّبِيُّ
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَكِنْ جِهَادٌ وَبَيَّةٌ

41
41. Bab : Amalan Itu DiKira Mengikut Niat Dan Keikhlasan, Setiap Orang Mendapat Apa Yang Diniatkannya. Termasuklah Di Dalamnya Iman, Wudhu', Sembahyang, Zakat, Haji, Puasa Dan Segala Hukum Yang Lain. Allah Berfirman: "Tiap-tiap Orang Beramal Mengikut Keadaannya" Iaitu Niatnya. Perbelanjaan Seseorang Terhadap Keluarganya Dengan Ikhlas Adalah Sedekah. Nabi SAW Bersabda : Tetapi Yang Tetap Akan Ada Ialah Jihad Dan Niat.

٥٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَقَّاصٍ عَنْ عُمَرَ ؓ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِنِسَاءٍ يُصِيبُهَا أَوْ لِمَرْأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ ﴿

52- Abdullah bin Maslamah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Malik telah meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Sa'id daripada Muhammad bin Ibrahim daripada 'Alqamah bin Waqqash daripada 'Umar bin al-Khatthab bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Segala amal dikira dengan niat dan sesungguhnya setiap orang mendapat apa yang diniatinya. Sesiapa yang hijrahnya adalah kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya dikira kerana Allah dan RasulNya. Dan sesiapa yang hijrahnya adalah untuk mendapat dunia atau untuk berkahwin dengan seseorang perempuan maka hijrahnya itu dikira untuk tujuannya".

٥٣ - حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ مِنْهَالٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي عَدِيُّ بْنُ ثَابِتٍ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ يَزِيدَ عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ ؓ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا أَتَقَّ الرَّجُلُ عَلَى أَهْلِهِ يَحْسِبُهَا فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ ﴿

53- Hajjaj bin Minhal telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, 'Ady bin Tsabit telah memberitahu saya, katanya : saya telah mendengar 'Abdullah bin Yazid daripada Ibn Mas'ud daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: "Apabila seseorang berbelanja kepada keluarganya dengan ikhlas, maka itu dikira sebagai sedekah daripadanya".

٥٤ - حَدَّثَنَا الْحَكَمُ بْنُ نَافِعٍ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ حَدَّثَنِي عَامِرُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ أَنَّهُ أَخْبَرَهُ ؓ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنْ نَفَقَ نَفَقَةً تَبْغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أَجَرْتُ عَلَيْهَا حَتَّى مَا تَجْعَلَ فِي فَمِ امْرَأَتُكَ ﴿

54- Al-Hakam bin Nafi' telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'aib telah meriwayatkan kepada kami daripada al-Zuhri, katanya, 'Aamir bin Sa'ad telah

meriwayatkan kepadaku daripada Sa'ad bin Abi Waqqash, beliau meriwayatkan kepadanya bahawa Nabi SAW bersabda : "Sesungguhnya setiap nafqah yang engkau berikan kerana Allah, akan diberikan ganjarannya kepadamu termasuk juga apa yang engkau suapkan ke mulut isterimu".

بَابُ قَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الدِّينُ النَّصِيحَةُ لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَتِهِمْ وَقَوْلِهِ تَعَالَى (إِذَا نَصَحُوا لِلَّهِ وَرَسُولِهِ)

42. Bab: Sabda Nabi SAW : Agama Itu ialah Ikhlas Kerana Allah, Kerana Rasulnya, Kerana Pemimpin-Pemimpin Orang-Orang Islam Dan Kerana Orang-Orang Awam Islam. Dan Firman Allah : (Maksudnya) "Apabila Mereka Ikhlas Kerana Allah Dan Rasulnya"

٥٥ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنِي قَيْسُ بْنُ أَبِي حَازِمٍ عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ ﴿بَايَعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى إِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالتَّصَحُّعِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ﴾

55- Musaddad telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Yahya bin Isma'il telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Qais bin Abi Hazim telah meriwayatkan kepada kami daripada Jarir bin Abdillah, katanya : "Aku telah berbaiah kepada Rasulullah SAW untuk mendirikan sembahyang, memberi zakat dan ikhlas terhadap setiap muslim".

٥٦ - حَدَّثَنَا أَبُو التُّعْمَانِ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ زِيَادِ بْنِ عِلَاقَةَ قَالَ ﴿سَمِعْتُ جَرِيرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ يَوْمَ مَاتَ الْمُغِيرَةُ بْنُ شُعْبَةَ قَامَ فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَتَى عَلَيْهِ وَقَالَ عَلَيْكُمْ بِاتِّقَاءِ اللَّهِ وَخُدُّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَالْوَقَارَ وَالسَّكِينَةَ حَتَّى يَأْتِيَكُمْ أَمِيرٌ فَإِنَّمَا يَأْتِيَكُمْ الْآنَ . ثُمَّ قَالَ اسْتَغْفُوا لِأَمِيرِكُمْ فَإِنَّهُ كَانَ يُحِبُّ الْعَفْوَ . ثُمَّ قَالَ أَنَا بَعْدُ فَإِنِّي أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُلْتُ أَتَابِعُكَ عَلَى الْإِسْلَامِ فَشَرَطَ عَلَيَّ وَالتَّصَحُّعِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ فَبَايَعْتُهُ عَلَى هَذَا وَرَبِّ هَذَا الْمَسْجِدِ إِنِّي لَنَاصِحٌ لَكُمْ ثُمَّ اسْتَغْفَرَ وَتَزَلَّ

56- Abu al-Nu'man telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Abu 'Awanah telah meriwayatkan kepada kami daripada Ziyad bin 'Ilaqah, katanya : Aku mendengar Jarir